



SIARAN MEDIA

PENGIKTIRAFAN LENGGONG DAN LABUAN SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

Lenggong, Perak dan Labuan telah diiktiraf sebagai **Geopark Kebangsaan yang baharu** selepas Geopark Kebangsaan Lembah Kinta, Perak, Geopark Kebangsaan Jerai, Kedah dan Geopark Kebangsaan Kinabalu, Sabah di bawah Program Pembangunan Geopark Kebangsaan yang diterajui oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Pengiktirafan Lenggong dan Labuan sebagai Geopark Kebangsaan telah dibuat pada 16 Disember 2021 semasa Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bilangan 1 Tahun 2021.

Geopark Kebangsaan Lenggong berkeluasan 2,068 km² kaya dengan keunikan landskap batuan, warisan biologi (8 biotapak) dan budaya (19 tapak budaya) serta menyimpan pelbagai sejarah formasi geologi, khususnya yang bertaraf antarabangsa. 9 tapak geoarkeologi di Lenggong juga sebelumnya telah menerima pengiktirafan Tapak Warisan Dunia (*World Heritage Site*) daripada United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO).

Manakala Geopark Kebangsaan Labuan berkeluasan 402 km² pula memaparkan evolusi endapan bantuan dan landskap yang membentuk Pulau Labuan serta tapak-tapak biologi. Antaranya hutan paya bakau (Kinabenuwa), hutan pantai (Tanjung Kubong), santuari hidupan liar (Pulau Ular) dan taman laut (Pulau Rusukan Besar, Pulau Rusukan Kecil dan Pulau Kuraman) yang menjadi habitat kepada spesies-spesies burung (Layang-layang, Bangau Batu, Burung Kosa dan Kelicap Sepah). Manakala kepelbagaian warisan budaya pula boleh dilihat pada masyarakat yang mendiami perkampungan air.

Sesungguhnya pengiktirafan Lenggong dan Labuan sebagai Geopark Kebangsaan adalah satu pencapaian signifikan kepada Negara, khususnya Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pemeliharaan kelestarian alam semulajadi dan pengurusan mampan kawasan berkepentingan kebangsaan yang memiliki nilai geotapak luar biasa (*geosite of extraordinary values*) seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kementerian percaya bahawa kerjasama erat dengan Kerajaan Negeri dapat memastikan Geopark Kebangsaan ini diurus secara baik. Di samping itu, usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat setempat khususnya di kawasan-kawasan di dalam wilayah Geopark Kebangsaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui penglibatan masyarakat tempatan dalam pelbagai aktiviti dan program pembangunan geopark.

YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

21 DISEMBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)